

Amaran kpd pengusaha2 kenderaan

**Mahathir: Jangan cuba
nak menipu Kerajaan**

BH 20 AUG 1979
KUALA LUMPUR, Selasa — Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini, hukuman dan tindakan tegas patut diambil terhadap pengusaha-pengusaha kenderaan dan pengangkutan yang menipu Kerajaan.

Katanya, Kerajaan akan bertindak tegas dan tidak bertolak ansur dalam aspek-aspek penguatkuasaan undang-undang lalulintas.

Kerajaan juga, tegasnya lagi tidak akan bertolak ansur dengan langkah-langkah yang perlu di-

ambil bagi mengatasi masalah kemalangan jalanraya.

Kerajaan bertanggungjawab menentukan tindakan penguatkuasaan terus diadakan, kata beliau ketika merasmikan seminar Jurutera Pengangkutan, anjuran Institut Kejuruteraan Pengangkutan Malaysia, di sini pagi tadi.

Kecam keras

Beliau menyeru pengusaha-pengusaha kenderaan, termasuk pemandu supaya lebih berhati-bati terhadap harta dan nyawa orang-ramai yang tidak boleh dijual beli, dengan membawa kenderaan-kenderaan berat dengan cara sewenang-wenangnya.

"Mereka patutlah memikirkan nyawa dan harta orang-ramai dan tidak hanya memikirkan bagi mendapat keuntungan yang tinggi semata-mata,"ujarnya.

Sementara itu berucap di majlis jamuan tahunan ke 75 Dewan Perniagaan dan Perindustrian China Selangor di sini malam ini, Datuk Seri Dr. Mahathir mengecam keras saudagar-saudagar China yang membantah Akta Penyelarasan Perindustrian dengan mengecapkan akta itu sebagai "tidak demokrasi" dan "penyelewengan kuasa" oleh menteri berkenaan.

Patut dihukum

Beliau mahu Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis, Terafik Warden dan lain-lain agensi Kerajaan yang menguatkuasakan undang-undang lalulintas supaya terus mengambil tindakan untuk membawa suasana yang baik, tenteram dan sempurna di bidang pengangkutan.

Katanya lagi, kenderaan-kenderaan yang tidak mempunyai lesen membawa atau cukai jalan hendaklah terus ditahan dan diperiksa.

"Pengusaha-pengusaha yang sengaja menipu Kerajaan patutlah dihukum, tindakan tegas yang ditunjukkan patut dipuji," kata Datuk Seri

Dr. Mahathir.

Beliau berkata, pemandu-pemandu yang tidak menghiraukan harta dan nyawa orang-ramai sewaktu memandu di jalanraya hendaklah dikenakan hukuman yang sesuai dengan kesalahan mereka.

Menurutnya, Kerajaan memandang berat tentang masalah keselamatan jalanraya yang dihadapi oleh Malaysia sekarang.

Buat cadangan

Sambil menegaskan bahawa Kerajaan tidak akan tunduk kepada sebarang permintaan atau desakan supaya akta tersebut dibatalkan, beliau memberi amaran "jangan berdiri di tepi sambil membidas dasar-dasar Kerajaan sebagai menyekat pertumbuhan aktiviti-aktiviti perindustrian masyarakat China."

"Kalau anda benar-benar menceburkan diri dalam sektor perindustrian dan menemui kegagalan sama sekali akibat dasar-dasar Kerajaan, maka anda mempunyai asas untuk membidas dan Kerajaan akan memberi pertimbangan yang wajar," tegas beliau.